

PELAJARAN 4

TIPU-DAYA IBLIS & SYAITAN

Siapakah syaitan?

Syaitan adalah pengikut Iblis daripada kalangan bangsa Jin dan manusia. Mereka taat kepada perintah Iblis. Tujuan mereka adalah untuk menyesatkan seberapa ramai jin dan manusia yang mereka mampu. Tugas utama syaitan daripada bangsa Jin adalah untuk menyesatkan jin-jin lain dan juga manusia. Tugas utama syaitan daripada jenis manusia adalah untuk menyesatkan manusia lain. Maka kita ada dua musuh: syaitan jin dan syaitan manusia.

Bagaimana kita boleh kenal syaitan daripada golongan jin?

Kita boleh kenal syaitan daripada golongan jin apabila tiba-tiba kita ada keinginan untuk melakukan maksiat dan melanggar perintah Allah s.w.t. Itu sebenarnya bisikan syaitan. Dia datang untuk menggoda kita agar kita dapat dosa dan akhirnya masuk neraka bersama-sama dengannya. Sebagai contoh, tiba-tiba datang keinginan untuk buka aurat atau melihat aurat orang lain. Ini adalah jelas godaan syaitan daripada golongan jin.

Bagaimana kita boleh kenal syaitan daripada golongan manusia?

Syaitan daripada golongan manusia ini sebenarnya manusia biasa. Tiada kelebihan istimewa pada diri mereka. Tetapi kadang-kadang mereka terikut-ikut dengan godaan syaitan daripada golongan jin atau mereka terikut-ikut dengan desakan serta permintaan hawa nafsu mereka sehingga mereka menghasut dan memujuk manusia lain untuk buat maksiat.